

# Fakulti Syariah dan Undang-Undang anjur Seminar i-Sufi 2013

SEREMBAN 15 Okt. - Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) akan menganjurkan Seminar Antarabangsa Mengenai Usul Fiqh 2013 (i -Sufi 2013) bertempat di fakulti berkenaan, pada 23 hingga 24 Oktober ini.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini, seminar yang diadakan selama dua hari itu bertujuan bagi memberi dan berkongsi pengetahuan ulama Islam dengan cara paling mudah, berharga dan

mudah.

Pada masa sama, program yang turut mendapat kerjasama dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) serta Bank Rakyat bertujuan bagi mengambil ulama silam dalam menyelesaikan konflik kehidupan harian semasa dari segi perubahan, politik, ekonomi dan sosial.

“Pada akhir persidangan itu, para peserta diharap dapat meningkatkan pemahaman dan pengetahuan mereka dalam usul al fiqh dan

bebas mewujudkan rangkaian dengan para ulama dan peserta lain.

“Menerusinya dilihat mampu memberikan perubahan positif bagi usul al fiqh sebagai satu mata pelajaran dalam pelbagai institusi Islam sama ada di peringkat tempatan dan antarabangsa,” menurut kenyataan itu lagi.

Malah, menurut kenyataan itu, persidangan i-Sufi 2013 ini turut menyediakan platform untuk para ulama Islam menyatakan istinbat jelas dan mudah difahami dalam

memperolehi hukum pelbagai isu-isu semasa.

Katanya, persidangan ini turut bermatlamat untuk menerbitkan prosiding kertas dan buku-buku yang berguna untuk rujukan pakar-pakar, penyelidik dan pembuat dasar.

“Adalah menjadi harapan pihak penganjur bahawa penerbitan ini akan memperkayakan bahan-bahan yang sedia ada di bawah perkara usul al fiqh di seluruh dunia menerusi program ini,” katanya.